


# KENYATAAN TENDER

**(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)**

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DI TAMAN WAWASAN, PRESINT 2, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN**
**NO. TENDER : PPj/T/JL/44/2024**

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.

2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

| SYARAT MEMASUKI TENDER | TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL | HARGA DOKUMEN DAN BENTUK BAYARAN | TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP |
|---|---|---|---|---|
| **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**<br><br>**Gred : G5**<br><br>**Kategori : CE**<br><br>**Pengkhususan :**<br><br>**CE14 (Landskap Diluar Bangunan)**<br><br>**Dan**<br><br>**Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk taraf Bumiputera** | **27 Ogos 2024 (Selasa)**<br><br>**10.00 pagi**<br><br>**<u>TAKLIMAT</u>:**<br><br>**Bilik Seminar MyPLACE Kompleks Nurseri Taman Wetland, Presint 13, 62300, Wilayah Persekutuan Putrajaya**<br><br>**(DIWAJIBKAN)**<br><br>**<u>LAWATAN TAPAK</u>:**<br><br>**Taman Wawasan, Presint 2, Wilayah Persekutuan Putrajaya**<br><br>**(DIWAJIBKAN)** | **27 Ogos 2024 (Selasa)**<br><br>sehingga<br><br>**9 September 2024 (Isnin)**<br><br>Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya | Ringgit Malaysia **RM 100.00** (Tidak dikembalikan)<br><br>**Kad Debit & Kredit / Maybank QRPay & E-Wallet (TnGo, Boost, Grabpay) / Perbankan Internet** | **17 September 2024 (Selasa) 12.00 tengah hari**<br><br>Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya |

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti **berpengalaman dalam bidang berkaitan dan pernah menyiapkan kerja-kerja bagi satu (1) kontrak dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu.**

4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.

5. Taklimat tender akan diadakan pada **27 Ogos 2024 (Selasa), 10.00 pagi di Bilik Seminar MyPLACE Kompleks Nurseri, Taman Wetland, Presint 13, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah DIWAJIBKAN. Sila bawa bersama Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ, STB dan Cap Syarikat.**

6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK **dan satu (1) Salinan Sijil PPK dan SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ dan STB.**

7. Tender ini akan ditutup pada **17 September 2024** bersamaan hari **Selasa, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.

8. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT :
(https://www.ppj.gov.my/); (https://jpm.gov.my/) dan (https://myprocurement.treasury.gov.my/)